

**DAP buat laporan polis dakwa BN tawar wang pada pengundi
Malaysiakini.com
April 12, 2007
Beh Lih Yi and Soon Li Tsin**

DAP telah membuat laporan di balai polis Tebong hari ini selepas mendapat maklumat yang mendakwa pengundi dalam pilihanraya kecil Machap, dibayar sehingga RM200 di bilik operasi Barisan Nasional (BN).

Menurut petugas DAP, Thing Siew Shuen, beliau dan rakannya menerima maklumat tengahari tadi mengenai orang ramai beratur di luar sebuah rumah kosong bersebelahan rumah petugas Umno dari Johor.

"Bila kami sampai ke sana kira-kira jam 12 tengahari, kami masih dapat lihat barisan panjang di luar rumah itu, dan orang ramai yang beratur di situ terdiri daripada pelbagai kaum," katanya kepada malaysiakini.

"Mereka masuk ke dalam rumah seorang lepas seorang dan ianya adalah pelik kerana pintu akan terus ditutup sebaiknya seorang masuk dan bila mereka keluar semula, kami dapat melihat mereka memasukkan duit dalam poket masing-masing," tambahnya.

Thing dan rakannya dari DAP itu mendekati mereka yang keluar dari rumah tersebut untuk mengetahui apa yang sedang berlaku, tetapi mereka enggan memberitahu apa-apa, katanya,

"Sehinggalah kami bertanya kepada satu pasangan. Kami tanya mereka sama ada (tawaran wang tunai itu) sehingga tiga angka, dan mereka memberitahu kami "mereka yang datang dari jauh boleh mendapat RM200," kata pasangan tersebut.

Malam 'KFC'

Seorang lagi saksi, Naib Pengerusi DAP Wilayah Persekutuan, Steven Chan berkata lebih 70 orang yang beratur di luar rumah kosong tersebut.

"Seorang wanita memberitahu saya, dia dan suaminya masing-masing menerima RM100. Seorang lelaki India berkata dia akan menikmati KFC malam ini.

"Yang lainnya cuba mengelak daripada kami apabila kami mendekati mereka. Sebahagiannya berkata, tiada apa yang berlaku atau berkata itu biasalah," katanya.

Katanya, dia ternampak kira-kira 12 orang yang memakai baju-T Barisan Nasional dalam rumah tersebut dan malah seorang daripada mereka mengugutnya supaya janga menghampiri rumah tersebut.

"Dia menjerit ke arah kami yang dia akan memanggil lebih ramai anggota Pemuda Umno untuk menghalau kami dari situ. Kerana bimbang, kami terus ke balai polis," kata Chan.

Apabila malaysiakini tiba di situ, beberapa orang kelihatan sedang membersihkan rumah tersebut, yang ketika itu sudahpun kosong dan terletak bersebelahan dengan rumah Umno Johor di Tebong. Pihak akhbar tidak dibenarkan masuk.

BN nafi

Dalam reaksinya, Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting menafikan dakwaan tersebut.

"DAP akan sentiasa membuat laporan polis sebagai taktik politik mereka, apa juga yang mereka buat adalah untuk kepentingan politik mereka. Mereka cuba melakukan sesuatu pada saat-saat akhir untuk memancing undi," katanya ketika ditanya pemberita mengenai perkara itu di luar bilik operasi MCA Machap Baru.

Katanya, bukan amalan BN untuk menawarkan wang bagi membeli undi.

Ong juga ditanya mengenai sambutan hebat terhadap ceramah Penasihat Parti Keadian Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim di Machap yang dihadiri ribuan orang malam tadi.

"Saya dengar beliau telah membawa ramai orang luar ke Machap. Machap Baru tidak pernah mempunyai kereta sebanyak itu dan penduduknya memberitahu saya yang mereka tidak mengenali orang yang menghadiri ceramah tersebut," kata Ong yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

"Beliau gemar membawa penyokongnya ke mana sahaja beliau pergi, biarlah dia berbuat demikian," tambahnya.

Kehadiran Anwar untuk berkempen di Machap malam tadi telah menarik ribuan pendengar yang menghadiri ceramahnya di Melaka Pindah, kawasan penduduk Melayu yang majoritinya penyokong Umno.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/65861>